

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH
PELABUHAN KELANG, SELANGOR

DISEDIAKAN OLEH :
MOHD FAZLI BIN BAKAR
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

CN: 2275

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039903

LI 29 FPE 2 2005



1100039903

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Laut Wilayah Tengah
Pelabuhan Kelang, Selanggor / Mohd Fazeli Bakar.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

	1100039903	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

1
9
P
E

2

065

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH PELABUHAN KELANG, SELANGOR

Oleh

MOHD FAZELI BIN BAKAR
Sarjana Muda Pengurusan
(Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada :

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


2005

1100039903

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Mohd Fazeli bin Bakar**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,



Nama : MOHD FAZELI BIN BAKAR
Tarikh : 28 NOVEMBER 2005

Disahkan oleh:



Cik Nor Suriyati bt. Othman
Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat juga pelatih menyiapkan laporan latihan industri ini. Setelah bertungkus-lumus selama beberapa bulan maka terhasillah laporan latihan industri ini. Di kesempatan ini, pelatih ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada beberapa pihak yang telah banyak membantu pelatih dari bermula tempoh latihan sehingga siap laporan latihan ini.

Ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada kedua ibu bapa pelatih iaitu Encik Bakar bin Osman dan Puan Syarifah binti Ishak yang telah banyak memberi sokongan serta bantuan dari segi nasihat dan juga dorongan. Seterusnya kepada abang dan kakak, Mohd Faizal dan Eda Rahayu yang telah banyak membantu dari segi kewangan dan tempat tinggal terutamanya. Tanpa mereka ini pasti sukar bagi pelatih untuk menjalankan latihan dengan sempurna. Juga kepada Nur Syazwani binti Shahrir atas bimbingan dan panduan yang diberikan sepanjang masa.

Terima kasih juga kepada Cik Nor Suriyati binti Othman, penyelia latihan Industri yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang menjalani latihan dan juga dalam menyiapkan laporan. Beliau telah memberikan komitmen dan bimbingan yang tidak berbelah bahagi kepada pelatih dan juga banyak bertolak ansur dengan sikap pelatih. Juga tidak lupa kepada Puan Wan Azura dan Cik Wan Mariam yang telah membantu pelatih dalam memperolehi tempat untuk menjalankan latihan industri.

Seterusnya, pelatih juga mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kakitangan Jabatan Laut Wilayah Tengah iaitu Encik Azudin Zainal Abidin, Encik Mohd Nazri Silim, Puan Zaiton, Puan Farahawa, Puan Mahani, Puan Salina, Encik Azwan, Encik

Adam Ismail, Encik Zuraidi, Encik Rosli Kamsah, Encik Jeffrey ZZ Shah, Encik Ilyas, Encik Adenan, Encik Alif dan semua yang telah membantu pelatih sepanjang tempoh latihan. Tanpa mereka ini, pelatih pastinya terkial-kial dalam mencari maklumat, panduan dan sebagainya.

Akhir sekali, pelatih ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan dan mereka yang telah membantu pelatih secara langsung dan tidak langsung dari segi tunjuk ajar dan panduan sepanjang menjalani latihan dan menyiapkan laporan.

MOHD FAZELI BIN BAKAR
UK 8372
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
Penghargaan	i
Senarai Carta Alir	v
Senarai Rajah	vi
Senarai Jadual	vii

BAB SATU : LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Latar Belakang Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	1
1.2 Latar Belakang Jabatan Laut Wilayah Tengah	2
1.2.1 Maklumat Jabatan Laut Wilayah Tengah	3
1.3 Piagam Pelanggan Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	4
1.4 Perhubungan Laut (Bidang Kuasa Jabatan Laut)	6
1.5 Dasar Kualiti Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	8
1.6 Asas Perundangan Jabatan Laut	8
1.7 Penglibatan di Mesyuarat Antarabangsa	8
1.8 Carta Organisasi Jabatan Laut Wilayah Tengah	10
1.9 Aktiviti Teras Jabatan Laut Wilayah Tengah	11
1.10 Bahagian-bahagian dalam Jabatan Laut Wilayah Tengah	12
1.11.1 Bahagian Dasar dan Perkhidmatan Korporat	12
1.11.2 Bahagian Hal Ehwal dan Pelabuhan	12
1.11.3 Bahagian Kawalan Industri	12
1.11.4 Bahagian Keselamatan Pelayaran	13

1.11 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	14
--------------------------------------	----

BAB DUA: PENGENALPASTIAN SISTEM KERJA, PENEMUAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 Sistem Permohonan Kad Pelaut	16
2.1.1 Carta Aliran Sistem Permohonan Kad Pelaut	18
2.1.2 Pengenalpastian Masalah	20
2.1.3 Cadangan Penyelesaian	22
2.2 Sistem Permohonan Perakuan Kekompetenan	24
2.2.1 Carta Aliran Permohonan Perakuan Kekompetenan	26
2.2.2 Pengenalpastian Masalah	28
2.2.3 Cadangan Penyelesaian	30
2.3 Sistem Pembaharuan Lesen Bot	31
2.3.1 Carta Aliran Sistem Pembaharuan Lesen Bot	33
2.3.2 Pengenalpastian Masalah	34
2.3.3 Cadangan Penyelesaian	35

BAB TIGA: PENUTUP

3.1 Kesimpulan dan Lakaran Pengharapan	36
--	----

RUJUKAN	40
----------------	----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI CARTA ALIR

PERKARA	MUKASURAT
Carta Alir 1.1 : Carta Aliran Sistem Permohonan Kad Pelaut	19
Carta Alir 1.2: Carta Aliran Sistem Perakuan Kekompetenan	26
Carta Alir 1.3: Carta Aliran Sistem Pembaharuan Lesen Bot	33

SENARAI RAJAH

PERKARA

MUKASURAT

Rajah 1.1: Carta Organisasi Jabatan Laut Wilayah Tengah 11

SENARAI JADUAL

PERKARA	MUKASURAT
Jadual 1.1: Jumlah Pelaut Tempatan Mendaftar Mengikut Negeri dan Tahun	20
Jadual 1.2 : Statistik Pengeluaran COC bagi tahun 2004	28

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri (LI) merupakan satu komponen subjek yang sangat penting di dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Melalui latihan industri ini pelatih telah dapat mempelajari dengan lebih mendalam lagi mengenai teori dan pengajaran yang selama ini hanya dipelajari di dalam bilik kuliah sahaja. Melalui latihan industri, apa yang selama ini dipelajari di dalam bilik kuliah telah dapat pelatih saksikan sendiri melalui realiti alam pekerjaan. Pelatih telah didedahkan dengan pelbagai situasi di samping pendedahan di dalam aspek kemahiran asas profesionalisme pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian yang sedang diduduki pelatih ketika ini di KUSTEM. Sepanjang 3 bulan menjalani Latihan Industri, pelatih telah ditempatkan di JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH, di mana jabatan ini merupakan jabatan kerajaan yang berteraskan perkhidmatan dan perlaksanaan undang-undang perkapalan dan pemaliman. Jabatan ini telah ditubuhkan pada tahun 1953 dan berfungsi sebagai Ibu Pejabat Laut pada mulanya. Sepanjang berada di Jabatan Laut Wilayah Tengah, pelatih telah ditempatkan di bahagian Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan serta bahagian Kawalan Industri. Pelatih telah diberi peluang untuk mempelajari selok belok dunia perkapalan dan pemaliman di dalam industri maritim, di samping diberi pendedahan mengenai teknik-teknik berurus dengan pelanggan, berurus dengan pihak professional dan pelbagai lagi kemahiran interpersonal yang lain. Pelatih turut berpeluang untuk mempelajari sekurang-kurangnya tiga sistem kerja sepanjang berada di Jabatan Laut Wilayah Tengah. Tiga sistem kerja yang dimaksudkan ialah Sistem kerja Permohonan Kad Pelaut, Sistem kerja Permohonan Perakuan Kekompetenan dan sistem kerja Perlesenan Bot. Melalui analisis yang pelatih sendiri lakukan, terdapat beberapa masalah sebenar di samping potensi untuk mendapat masalah di dalam sesuatu sistem kerja itu wujud. Antara masalah yang wujud ialah masalah yang berpuncu dari individu itu sendiri, persekitaran dan juga aspek teknikal. Justeru itu, melalui laporan ini, pelatih turut menyenaraikan beberapa cadangan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Namun ingin dijelaskan di sini, tidak semua masalah yang diutarakan merujuk kepada masalah yang diperhatikan sendiri oleh pelatih sepanjang mengikuti sistem kerja berkenaan.